

Sokong produk tempatan

Kikis rasa sangsi

Harian metro 20/05/2010 M/S 50

>>Oleh Saipul Adli Mohamad

saipuladli@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Rakyat negara ini harus mengikis perasaan sangsi sebaliknya menyokong produk tempatan ke arah mencipta nama Malaysia dengan jenama sendiri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna, Datuk Tan Lian Hoe, berkata rakyat Malaysia mempunyai kemampuan untuk membawa produk tempatan ke peringkat antarabangsa dan sepatutnya ia mendapat sokongan semua orang.

“Produk dihasilkan industri tempatan terbukti berkualiti dan tiada alasan kita tidak membeli barangan buatan Malaysia. Ini terbukti apabila sebahagiannya sudah diiktiraf di pasaran antarabangsa dan sekiranya orang luar di negara mengalu-alukan barangan Malaysia, tiada alasan untuk anak watan tidak bangga dan menikmati hasil itu.

“Jadi, kita perlu rasa bangga untuk memberi barangan buatan Malaysia dan kerajaan



LANCAR...Tan (tengah) melancarkan eTouch Siri Smartphone Touchberry Pro sambil diperhatikan Siew (kiri) dan Ameer Ali, semalam.

menaruh harapan tinggi bahawa rakyat negara ini akan membeli produk tempatan yang berkualiti dan ditawarkan pada harga berpatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan telefon bimbit eTouch Siri Smartphone Touchberry Pro dan kempen ‘eTouch - Jom Bola’ di Mydin Mall di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Matrix Calibre Sdn Bhd iaitu syarikat pengeluar eTouch, Siew Ai Fern dan Pengarah Urusan Mydin Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin.

Tan berkata, ketika Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia tahun lalu, sebanyak 28 ekspo diadakan sebelum menghasilkan jualan berjum-

lah RM57.7 juta.

Beliau berkata, kempen sama akan dilancarkan pada Mei ini dan kerajaan menjangkan hasil lebih baik sambil mengharapkan rakyat terus memberi sokongan dan galakan kepada pengusaha tempatan yang menghasilkan peluang pekerjaan serta mengelak aliran tunai ke luar negara.